



Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Seksyen Media
Unit Komunikasi Korporat
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
Tel : 03-2617 9812

Faks : 03-2694 1373

e-mel : akhbar@dbkl.gov.my

()dlm.DBKL / JP / 05 / 2010 / 7001-4

MAKLUMBALAS MEDIA

Pengarang
Letters to Editor
Star

Bus lanes worsen congestion at Syed Putra

Kami merujuk kepada artikel tersebut oleh *Roadtax Payer* bertarikh 10 Mac 2010 dan ingin memaklumkan mengenainya.

Kemudahan lorong khas bas/teksi yang disediakan di beberapa jalan utama di Pusat Bandar Raya Kuala Lumpur adalah bertujuan untuk memberikan keutamaan penggunaan ruang jalan kepada kenderaan pengangkutan awam iaitu bas dan teksi. Dengan kemudahan lorong khas ini, mutu perkhidmatan pengangkutan bas dan teksi di Bandar Raya Kuala Lumpur dapat dipertingkatkan dengan penurunan masa perjalanan dan juga pengurangan masa menunggu untuk pengguna perkhidmatan bas dan teksi.

Perkhidmatan pengangkutan bas dan teksi yang lebih efisien akan menggalakkan warga kota menggunakan perkhidmatan bas dan teksi sebagai mod alternatif kepada penggunaan kenderaan persendirian. Peningkatan kadar penggunaan perkhidmatan pengangkutan awam (bas dan teksi) dikalangan warga kota akan mengurangkan kesesakan lalulintas yang semakin meruncing di Bandar Raya Kuala Lumpur.

Oleh yang demikian, lorong khas bas/teksi yang disediakan di beberapa jalan utama di Pusat Bandar Raya Kuala Lumpur akan terus dikekalkan bagi kemudahan pengguna perkhidmatan pengangkutan awam (bas dan teksi) di Bandar Raya Kuala Lumpur.

Sekian.

ANWAR BIN MOHD ZAIN

Pengurus Komunikasi Korporat
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
31 Mac 2010
15 Rabiulakhir 1431H